

# UPM unggul transformasi sektor pertanian

Pada 3 Februari lalu, saya menyampaikan Perutusan Naib Canselor 2014 bertemakan 'Mengungguli Pencapaian, Mewajah Masa Depan.' Saya menggariskan beberapa agenda penting bagi melonjakkan lagi pencapaian Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai institusi pengajian tinggi berkualiti dan bereputasi antarabangsa. Antara yang ingin saya kongsi di sini adalah memperkasakan UPM sebagai Pusat Kecemerlangan Pertanian Negara, antara satu matlamat Pelan Strategik UPM bagi 2014 hingga 2020.

UPM memang memberi perhatian penting kepada agenda Pertanian kerana sejarah universiti bermula dengan pertanian. Alhamdulillah, selepas lebih 40 tahun penubuhannya, pengajian pertanian di UPM semakin kukuh dan diiktiraf peringkat global. Baru-baru ini, QS Ranking University meletakkan UPM kedudukan pertama di Malaysia dan lingkungan 51-100 di dunia bagi kategori penarafan pengajian dalam bidang pertanian.

## Keusahawanan pertanian

Bidang pertanian tidak seharusnya difahami dalam konteks sempit. Kita perlu mengambil kita faktor seperti keperluan sumber modal insan yang inovatif, penguasaan ilmu keusahawanan pertanian, penggunaan teknologi dan inovasi pertanian serta pengembangan untuk pemindahan teknologi pertanian.

Bagi menjayakan hasrat meletakkan UPM sebagai Pusat Kecemerlangan Pertanian Negara ini, universiti akan memberi tumpuan kepada usaha secara bersepadu. Ini termasuk meningkatkan ketrampilan disiplin pertanian dan modal insan peringkat kebangsaan dan antarabangsa, melahirkan graduan berwibawa dan budaya keusahawantani, mewujudkan Pusat Rujukan Inovasi Sekuriti Makanan, menerajui Inovasi Perladangan Lestari, menjadikan UPM sebagai Pusat Rapisotori dan Inovasi Agriobiodiversiti dan meningkatkan penjana pendapatan melalui aktiviti pertanian.

Menjelang 2020, UPM akan dapat meletakkan dirinya dalam lingkungan 30 universiti terbaik dalam pertanian, melahirkan 13 peratus graduan terlatih dalam keusahawantani serta perantis pertanian, 15 peratus penemuan dalam bidang pertanian dan menyasar pendapatan RM50 juta, berbanding RM5 juta pada 2012.

UPM sedang mendapatkan pertimbangan kerajaan untuk menubuhkan Pusat Sekuriti Makanan di UPM, selaras hasrat menjadikan UPM sebagai pusat kecemerlangan pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan pertanian dan biosumber tropika. Penubuhan entiti ini sejajar dengan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) melalui kola-

borasi dengan agensi lain, khususnya di bawah Kementerian Pertanian dan Asas Tani dan Kementerian Pendidikan.

## TPU jadi contoh

Saya turut mengesyorkan penstrukturan semula Taman Pertanian Universiti (TPU) atau dahulunya dikenali sebagai Bahagian Ladang. Tidak dinafikan fungsi dan peranan TPU hari ini boleh dimantapkan. TPU harus menjadi contoh kejayaan mengendali dan mengurus ladang pertanian yang produktif.

Peranan TPU selepas ini akan tetap kekal untuk perkhidmatan sokongan dalam kampus dan khidmat pengajaran, namun bersifat *business oriented*. TPU akan distrukturkan menjadi entiti lebih bersifat dinamik dan pantas. Justeru, dengan segala sumber tenaga dan aset, termasuk kepakaran pegawainya akan digembelngkan untuk mencapai sasaran RM2 juta setahun, bermula tahun ini.

Peningkatan kadar kemiskinan bandar dan krisis makanan bandar, serta masalah mewujudkan peluang pekerjaan formal mencukupi, peningkatan sisa buangan, pencemaran udara dan air adalah antara cabaran negara sedang membangun. Pertanian bandar boleh menjadi medium penting untuk meringankan cabaran ini dengan membuka peluang untuk mewujudkan bekalan makanan tempatan secara berterusan, mengurangkan kadar kemiskinan bandar dan meningkatkan pengurusan persekitaran bandar.

Tahun lalu, UPM memperkenalkan Pertanian Bandaran (Urban Agriculture) yang akan turut mendukung sekuriti makanan negara. Tahun ini, beberapa inisiatif sudah diumumkan bagi mengarusperdanakan Pertanian Bandaran. Antaranya mewujudkan *showcase* Pertanian Bandaran berskala industri berbentuk *plant factory* untuk tujuan pengajaran, penyelidikan, pengembangan dan penjana pendapatan yang akan dibangunkan di UPM dan di bandar Serdang dan Putrajaya. Justeru, UPM akan memperuntukkan RM2.3 juta bagi merealisasikan kejayaan inisiatif pertanian bandaran ini. UPM akan bekerjasama dengan kerajaan Melaka bagi melaksanakan pertanian bandaran di sepanjang Sungai Melaka bagi tujuan pelancongan dan penjana pendapatan penduduk setempat.

Mengungguli pencapaian dalam agenda pertanian adalah matlamat utama UPM. Ini bukan saja akan memperkukuhkan lagi reputasi UPM sebagai Pusat Kecemerlangan Pertanian Negara, tetapi membantu menjamin sekuriti makanan demi kesejahteraan rakyat.



## Penulis

ialah Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM).



TEO KOK SEONG



DR MOHD FAUZI RAMLAN